

REVIEW ARTICLE

PENGGUNAAN AIR DAN LIMAU NIPIS SEBAGAI BAHAN ASAS MERAWAT PESAKIT GANGGUAN JIN: TINJAUAN PENGALAMAN PENGAMAL DALAM PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU

(The Use of Water and Lime as Basic Ingredients in Treating Patients with Spirit Disturbances: A Review of Practitioners' Experiences in Malay Traditional Medicine)

Syed Zaidi bin Syed Omar dan Mohamad Hilmi bin Mat Said

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuhrampasan Tun Khalil Yaakob, 26300 Gambang, Pahang, Malaysia

ABSTRACT - This study investigates the traditional Malay medical practices involving water and lime as fundamental ingredients in treating patients believed to be afflicted by supernatural beings called jin. The researcher is an experienced nurse specializing in jin affliction treatment. Jin refers to creatures created by Allah from fire that can resemble angels. Nowadays, there are often reports of treatments associated with Jin disturbances in society. Unfortunately, some of these treatments don't comply with Islamic law and show signs of worrying false teachings. Therefore, the aim of this study is to identify the methods of using water and lime for jin affliction treatment. The study's methodology is qualitative, based on the researcher's nursing experience and relevant literature review. The study's findings will explain the advantages of water and lime as treatment ingredients and the methods used in the treatment. Additionally, it will share the researcher's experiences in using these ingredients for treatment and their effectiveness with Allah's permission.

ABSTRAK - Kajian ini merupakan satu penyelidikan berkaitan cara atau kaedah perubatan tradisi orang Melayu yang menggunakan air dan juga limau nipis sebagai bahan asas dalam rangka merawat pesakit yang diganggu oleh jin. Pengkaji adalah merupakan seorang perawat yang berpengalaman dalam bidang rawatan gangguan jin. Jin membawa makna makhluk Allah swt yang diciptakan daripada api yang boleh menyerupai malaikat. Dewasa ini kerap kedengaran banyak kes-kes rawatan yang dikatakan mempunyai kaitan dengan gangguan Jin dalam masyarakat. Malangnya terkadang didapati rawatan yang digunakan tidak menepati kehendak syarak dan mempunyai tanda-tanda ajaran sesat yang membimbangkan. Justeru itu tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti kaedah penggunaan air dan limau nipis untuk rawatan gangguan Jin. Manakala metodologi kajian ini ialah kajian kualitatif. Ia berdasarkan kepada kajian lapangan iaitu pengalaman pengkaji sebagai seorang perawat dan kajian kepustakaan yang merujuk dokumen-dokumen yang berkaitan. Hasil dari kajian ini akan menjelaskan kelebihan air dan limau nipis yang dijadikan bahan rawatan dan kaedah yang digunakan dalam rawatan di atas. Kajian ini juga akan berkongsikan pengalaman pengkaji yang merawat menggunakan bahan tersebut dan keberkesannya atas izin dari Allah.

ARTICLE HISTORY

Received : 08th Dec. 2023

Revised : 17th Jan. 2024

Accepted : 11th Mar. 2024

Published : 23rd May 2024

KEYWORDS

Traditional medical

Water

Lime

Jin affliction

KATA KUNCI

Perubatan tradisional

Air

Limau nipis

Gangguan jin

PENDAHULUAN

Kamus Dewan Edisi Keempat memberi makna perubatan semua perkara perkara yang bersangkutan dengan hal berubat, manakala tradisional membawa maksud bersifat atau bercorak tradisi, kaedah pula membawa maksud cara atau peraturan membuat sesuatu; hukum atau prinsip, bahan iaitu barang yang akan dijadikan benda-benda lain; ramuan utk membuat sesuatu, rawatan membawa pengertian jagaan atau usaha yang dilakukan ketika merawat, gangguan membawa maksud ialah apa-apa yang mengganggu; sesuatu yang menyusahkan dan akhirnya jin membawa makna makhluk Allah yang diciptakan daripada api yang boleh menyerupai malaikat.

Undang-Undang Malaysia Akta 756 memberi takrifan amalan perubatan tradisional dan komplementari satu bentuk amalan berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat, atau mengurus pesakit atau sakit atau memelihara kesihatan fizikal dan mental, individu dan termasuk amalan perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, homeopati dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan

perubatan dan pergigian yang masing-masing digunakan oleh pengamal perubatan dan pengamal pergigian (2013). Manakala Harun Mat Piah (2015) menyatakan perubatan tradisional ialah perubatan lama dari segi kewujudan dalam sesuatu tamadun bangsa dan mempunyai ciri-ciri tersendiri yang berbeza dengan yang lain. Menurut *World Health Organization (WHO)*, perubatan tradisional adalah himpunan pengetahuan, kemahiran serta amalan-amalan berdasarkan teori, kepercayaan dan pengalaman yang berasal daripada budaya yang berbeza, sama ada dijelaskan atau tidak, digunakan untuk mengekalkan kesihatan serta untuk tujuan pencegahan, pemulihan atau merawat penyakit fizikal dan mental.

Zakaria Stapa (1998) menyatakan jin merupakan makhluk yang dijadikan daripada sejenis api bersih lagi tulen iaitu lidah api yang tidak mengeluarkan sebarang asap (*al-marij*), dan mempunyai bahang kepanasan yang amat panas (*al-samum*) dan Zakaria Stapa turut menjelaskan bahawa jin mempunyai kelebihan untuk boleh berubah rupa dan bentuk, lalu menjelma dalam pelbagai bentuk dan rupa yang bersifat jasmani sama ada jasmani manusia ataupun binatang, sehingga manusia dengan persediaan yang ada padanya boleh melihat makhluk tersebut (1998). Manakala Syed Sabiq (1974) menyatakan jin adalah sejenis roh yang berakal yang mempunyai kehendak. Mereka adalah mekallaf sebagaimana manusia, tetapi mereka tidak mempunyai jasad seperti manusia, tidak dapat dilihat dengan penglihatan, tidak dapat disaksikan bentuk dan tabiat mereka yang asli dan mereka mempunyai kuasa tersendiri untuk membentuk diri mereka. Wahid Abd. Salam Bali (2010) berpendapat jin termasuk di dalam perkara-perkara ghaib, yang wajib diimani lantaran di sana terdapat berbagai dalil yang membincangkan perihal makhluk tersebut daripada Al-Quran dan hadis-hadis.

Air adalah khazanah sumber alam semulajadi yang tidak ternilai harganya yang diperlukan oleh kehidupan di planet bumi sama ada di daratan, di lautan, di padang pasir, di pergunungan dan di udara. Allah telah menegaskan kepentingan air di dalam Al-Quran yang berbunyi "*Dan kami jadikan dari air tiap-tiap sesuatu yang hidup.*" (Surah Al-Anbiya', 21:30). Air mewakili tiga perempat daripada keseluruhan permukaan muka bumi dan merupakan komposisi yang sangat besar sebagai anugerah Allah kepada makhluknya. Manakala tujuh puluh peratus tubuh badan manusia adalah terdiri daripada air dan dua organ terbesar yang mengandungi air adalah darah dan otak. Nor Liyana Khairuddin (2022) menjelaskan air bertindak sebagai cecair yang membawa oksigen kepada sel dalam tubuh, pembuang toksik, serta sebagai pelincir sendi dan organ. Malahan kehidupan lain seperti haiwan juga bergantung kepada air seperti ikan paus biru yang merupakan hidupan terbesar di lautan bersaiz mega yang boleh membesar sehingga tiga puluh tiga meter dan mencapai berat sehingga seratus lapan puluh tan manakala haiwan daratan yang terbesar adalah gajah dewasa yang mampu mencapai berat sehingga enam tan. Manakala virus adalah kehidupan yang sangat kecil dan halus yang berukuran lima hingga tiga ratus nanometer yang bergantung kepada air untuk menyebarkan biak. Air adalah sumber asas kehidupan yang sangat penting kepada kesinambungan kehidupan dari satu generasi kepada satu generasi yang berikutnya. Sumber air dapat diperolehi melalui hujan, sungai, tasik, perigi, telaga, tali air dan mata air. Manusia semenjak sekian lama akan membina kediaman berhampiran dengan sumber bekalan air seperti sungai, tasik, perigi, tali air dan mata air bagi tujuan mendapatkan bekalan air untuk kehidupan seharian.

Chee Beng Jin (2016) menyebut limau nipis adalah tumbuhan renek yang berketinggian 5 meter dari tanah. Buah limau nipis berbentuk bulat atau bujur dan berwarna kekuningan apabila telah matang yang mempunyai rasa masam dan menjadi pokok tanaman yang ditanam di kawasan rumah untuk tujuan dijadikan bahan perencah masakan dan minuman ataupun untuk kegunaan perubatan. Pokok limau nipis amat mudah tumbuh di negara Malaysia kerana mempunyai iklim dan tanah yang sesuai bagi pertumbuhan pokok limau nipis. Buah limau nipis berbuah sepanjang tahun dan akan menyebabkan bekalan untuk kegunaan buah limau nipis tidak terputus bagi kegunaan seharian. Buah limau nipis digunakan oleh masyarakat Melayu bagi tujuan mandian dengan digosok di kepala untuk membuang kelumumur, diperah dan dicampurkan dengan air untuk minuman, dicampurkan ke dalam makanan dan tujuan perubatan.

Justeru itu, air dan limau nipis telah menjadi kegunaan masyarakat Melayu untuk tujuan perubatan terutamanya bagi tujuan rawatan gangguan jin. Air dan limau nipis akan digunakan secara bersama-sama bagi meningkatkan peluang kesembuhan daripada penyakit gangguan jin. Khasiat dan kelebihan yang dijadikan Allah kepada air dan limau nipis telah digunakan oleh masyarakat Melayu bagi mengubati penyakit gangguan jin seperti sihir dan saka.

PERMASALAHAN KAJIAN

Perkembangan pesat teknologi perubatan moden dan perawatan secara Islam yang digelar rawatan ruqyah telah menyebabkan perubatan tradisional orang Melayu terutamanya perubatan mengatasi masalah gangguan jin semakin dipinggirkan oleh masyarakat Melayu. Mohd Rahman Daud (2016) menyatakan pemodenan telah menjejaskan amalan pengubatan warisan/tradisional dan banyak cabang pengubatan leluhur ini kian luput dan dilupakan. Jacqlyn Patricia Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad (2021) turut menyebut pengamalan perubatan tradisional Melayu diragui oleh masyarakat moden pada zaman kini dan dipinggirkan.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengkaji penggunaan air dan limau nipis yang diguna pakai untuk merawat penyakit gangguan jin secara perubatan tradisional Melayu.

TINJAUAN LITERATUR

Air dan limau nipis adalah bahan yang sangat mudah untuk diperolehi oleh pesakit dan pengamal perubatan tradisional Melayu. Justeru itu, tidak menyukarkan kepada pesakit dan pengamal perubatan tradisional untuk mendapatkan bekalan air dan limau nipis dengan harga yang berpatutan di kedai dan pasaraya. Air adalah bahan asas yang dijadikan medium perubatan oleh pengamal perubatan tradisional Melayu bagi merawat penyakit yang berpunca daripada gangguan jin. Hal ini, sejajar dengan fakta sains yang menyatakan tujuh puluh peratus tubuh manusia terdiri daripada air. Otak dan darah adalah elemen terpenting di dalam tubuh badan manusia yang mengandungi lebih lapan puluh peratus air iaitu otak sebanyak sembilan puluh peratus air manakala darah mempunyai sembilan puluh lima peratus air. Kandungan air yang tinggi di dalam badan manusia membuktikan air sebagai bahan yang sangat mudah diterima dan diproses oleh tubuh badan manusia. Justeru itu, air yang telah dibaca dengan doa, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir yang diminum oleh pesakit gangguan jin boleh dijadikan ikhtiar penyembuh. Air yang diminum akan memberi tindakbalas kepada jin yang berada di dalam tubuh pesakit atau pada tubuh badan pesakit atau yang sedang menyerang pesakit mengalami kesakitan dan keluar meninggalkan tubuh badan pesakit.

Limau nipis atau nama saintifiknya *citrus aurantifolia* merupakan tumbuhan renek yang mempunyai duri-duri pada ranting dan dahan serta berketinggian tidak melebihi lima meter daripada tanah yang hidup subur di Malaysia dan ditanam oleh penduduk setempat untuk tujuan penyediaan makanan dan bahan untuk perubatan. Buah limau nipis adalah bersifat asid yang mengandungi asid sitrik serta mempunyai rasa yang masam dan selamat untuk dimakan atau diminum bersama dengan air. Limau nipis telah lama dijadikan bahan untuk tujuan perubatan yang digabungkan bersama-sama dengan air oleh masyarakat Melayu. Seajar dengan pandangan Suhazeli Abdullah (2021) sepanjang catatan sirah Nabi S.A.W telah diriwayatkan menyebut beberapa bahan dan kaedah yang boleh digunakan setimpal dengan perkembangan zaman itu. Tetapi Rasulullah S.A.W tidak pun membataskan apakah bahan dan rawatan itu. Malah apa sahaja rawatan yang boleh digunakan demi kebaikan manusia secara umumnya digunakan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk temu bual dan maklum balas yang menggunakan pendekatan kualitatif. Metode kajian kes kualitatif digunakan oleh pengkaji bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan gambaran sebenar tentang kehidupan (Gray, D. E. 2009). Chua (2006) berpendapat kajian kualitatif merupakan kajian yang tidak boleh dijelaskan melalui data bernombor, ini kerana terdapat perkara-perkara tertentu yang memerlukan pemerhatian dan penelitian seperti emosi, motivasi dan empati yang bersangkutan dengan manusia, kumpulan manusia atau keadaan semulajadi. Pendekatan kualitatif adalah berbeza dengan pendekatan kuantitatif kerana kajian yang berbentuk kualitatif tidak menunjukkan hasil kajian berbentuk statistik dan nombor. Mardiana Nordin (2015) berpendapat pendekatan kualitatif adalah kajian tingkah laku manusia berkait proses atau bagaimana sesuatu perkara itu berlaku dalam satu-satu suasana yang dikaji dan kaedah kualitatif ini juga akan memfokus pada proses dan hasil.

Kajian berbentuk temu bual dan maklum balas dilakukan terhadap tiga puluh orang pesakit yang telah menerima rawatan dengan penulis menggunakan air dan limau nipis sebagai bahan asas semasa proses merawat penyakit gangguan jin. Pesakit adalah terdiri daripada pelbagai peringkat umur iaitu dari enam tahun hingga sembilan puluh dua tahun yang terdiri daripada sembilan pesakit perempuan dan dua puluh satu pesakit lelaki. Semasa proses rawatan terdapat kaedah rawatan yang perlu dilakukan untuk mengenalpasti penyakit gangguan jin dan merawat pesakit iaitu sesi perbincangan dengan pesakit untuk mendapatkan maklumat berkaitan penyakit yang dihadapi, memotong dan membelah buah limau nipis dengan bilangan ganjil, membuat air penawar, nasihat, bimbingan dan pemantauan kepada pesakit dalam tempoh rawatan.

Sesi perbincangan dengan pesakit adalah penting untuk mengetahui pesakit menghadapi penyakit gangguan jin atau sebaliknya. Soalan-soalan akan ditanya kepada pesakit untuk mengenal pasti maklumat berkaitan gangguan jin seperti berikut:

- 1) Adakah pesakit mengalami kesukaran tidur pada waktu malam atau siang?
- 2) Adakah pesakit mengalami mimpi buruk atau mimpi menerima barangan, amalan, bayi, senjata atau lain-lain?
- 3) Adakah pesakit melihat kelibat bayang, lembaga atau jelmaan sesuatu?
- 4) Adakah pesakit mendengar bunyi aneh di dalam atau di luar rumah atau suara bisikan di telinga atau di dalam hati?
- 5) Adakah pesakit mengalami emosi yang keterlaluan seperti memukul diri sendiri, sedih, menangis tanpa sebab, membenci, marah dan lain-lain?
- 6) Adakah pesakit menyimpan barangan lama atau peninggalan keluarga seperti senjata lama, barang kemas, barang tembaga dan lain-lain?
- 7) Adakah pesakit mempelajari seni bela diri, pengamal perubatan tradisional seperti mengurut, saraf, tulang, perbidanan dan sebagainya?
- 8) Adakah pesakit menyimpan barang-barang pemberian daripada pengamal perubatan tradisional atau pengamal perubatan bukan Islam seperti tangkal, azimat, batu, besi, duit syiling, pakaian dan sebagainya?
- 9) Adakah ahli keluarga pesakit menjadi pengamal perubatan tradisional atau Islam?
- 10) Adakah pesakit sukar melakukan ibadat seperti solat, berzikir, mengaji atau sebagainya?



Gambar 1. Limau nipis yang telah siap dipotong

Kaedah membelah limau nipis dilakukan dengan tujuan untuk memutuskan gangguan jin daripada pesakit. Limau nipis yang digunakan mestilah limau nipis yang telah cukup matang dan segar yang boleh diperolehi oleh pesakit dari kedai atau pasar raya. Limau nipis akan dipotong di bahagian atas, bawah, kiri, kanan, depan, belakang dan tengah. Limau nipis yang telah siap dipotong akan disusun di dalam pinggan dan dibacakan surah Al-Fatihah, Al-Ikhlas, Al-Falaq, An-Nas dan ayat Kursi dengan bilangan sekali beserta dengan doa dalam bahasa Melayu. Bacaan doa yang dibacakan seperti “Ya Allah jadikan mandian limau nipis dan air minuman ini, sebagai pemutus bagi segala gangguan jin yang mengganggu pesakit dan ampunkan segala dosa-dosa pesakit dan kedua ibu bapanya.”


Air yang paling sesuai untuk dijadikan air penawar adalah air zam-zam atau air mineral dari sumber bawah tanah yang diproses oleh orang Islam. Selain itu, sumber air dari alam semulajadi seperti air perigi, air telaga, air sungai dan air tasik boleh digunakan, tetapi berkait dengan isu-isu kebersihan dan kesihatan. Air yang telah dimasak tidak sesuai dijadikan air penawar. Air penawar dilakukan dengan membaca surah Al-Fatihah, Al-Ikhlas, Al-Falaq, An-Nas dan ayat Kursi dengan bilangan sekali beserta dengan doa dalam bahasa Melayu. Bacaan doa yang dibacakan seperti “Ya Allah jadikan mandian limau nipis dan air minuman ini, sebagai pemutus bagi segala gangguan jin yang mengganggu pesakit dan ampunkan segala dosa-dosa pesakit dan kedua ibu bapanya.”

Sesi nasihat dan bimbingan diberikan kepada pesakit supaya pesakit kembali kepada ajaran Islam. Semasa sesi nasihat dan bimbingan, pesakit akan diterangkan secara ringkas perkara berkaitan dengan Rukun Iman, Rukun Islam dan kaedah berhadapan dengan gangguan jin. Sebagai contoh, pesakit dinasihatkan supaya tidak meninggalkan solat lima waktu dan dilakukan secara berjemaah, melakukan solat tahajud dan membaca Al-Quran. Selain itu, pesakit turut diingatkan supaya berlapang dada dengan ujian yang Allah turunkan kepada mereka.

Pemantauan kepada pesakit dalam tempoh rawatan dilakukan bertujuan untuk memastikan pesakit telah pulih sepenuhnya daripada gangguan jin atau masih terdapat gangguan jin pada pesakit. Jika pesakit masih mempunyai tanda-tanda gangguan jin, rawatan susulan perlu dilakukan. Tempoh pemantauan pesakit dilakukan selama empat hingga tujuh hari dari hari pertama menerima rawatan. Jika pesakit telah bebas daripada gangguan jin, pemantauan terhadap pesakit akan ditamatkan.

Maklum balas pesakit yang menerima rawatan gangguan jin menggunakan air dan limau nipis


Hasil dapatan daripada maklum balas pesakit yang berjumlah 30 orang yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dari 6 tahun hingga 92 tahun yang terdiri daripada 9 pesakit perempuan dan 21 pesakit lelaki mendapati kadar kesembuhan pesakit gangguan jin yang menerima rawatan asas air dan limau nipis seramai 29 orang yang bersamaan dengan 97% manakala terdapat seorang pesakit yang tidak sembuh yang bersamaan dengan 3%.



Carta 1. Maklum balas keberkesanan pesakit yang menerima rawatan asas air dan limau nipis

Hasil maklum balas yang diterima daripada 30 orang pesakit mendapati 60% pesakit yang menghadapi gejala gangguan jin, terlibat dengan amalan pertahanan diri atau perubatan tradisional seperti mengurut, saraf, tulang dan perbidanan. Hal ini berlaku kerana terdapat amalan pertahanan diri dan perubatan tradisional yang menyeru atau

memanggil makhluk halus melalui bacaan mantra dan tanpa difahami atau diketahui oleh pengamal. Manakala maklum balas pesakit sukar atau tidak tidur pada waktu malam atau siang berjumlah 43%. Kesukaran tidur waktu pada malam berpunca daripada gangguan jin yang menyerang pesakit. Gejala ini sering berlaku kepada pesakit yang diganggu oleh jin dan menyebabkan rutin harian pesakit terganggu kerana tubuh badan tidak mendapat tidur dan rehat yang mencukupi. Maklum balas pesakit melihat kelibat bayang, lembaga atau jelmaan sesuatu adalah berjumlah 33%. Manakala mimpi buruk dan kesukaran melakukan ibadat berjumlah 30%.



Carta 2. Maklum balas pesakit yang terlibat dengan pengamalan amalan pertahanan diri atau perubatan tradisional

Selain itu, maklum balas pesakit yang mengalami emosi keterlaluan seperti memukul diri sendiri, sedih, menangis tanpa sebab, membenci, pemarah dan lain-lain berjumlah 27%. Pesakit yang mengalami masalah gangguan jin akan mengalami gangguan emosi yang keterlaluan akibat daripada gangguan jin. Gangguan emosi yang berlaku menyebabkan pesakit sukar untuk mengawal emosi dan boleh mendatangkan bahaya kepada pesakit atau orang di sekeliling seperti keluarga terdekat. Maklum balas pesakit menyimpan barangan lama atau peninggalan keluarga seperti senjata lama, barang kemas, barang tembaga dan lain-lain berjumlah 23%. Menyimpan peralatan lama seperti keris, badik, lembing dan tumbuk lada boleh menjadi penyebab kepada gangguan jin. Senjata lama yang dimasukkan jin oleh pandai besi akan mengganggu pesakit jika senjata lama tersebut tidak dicuci atau dimandikan dengan air limau nipis dan diperasap dengan kemenyan. Selain itu, maklum balas pesakit yang mempunyai ahli keluarga yang menjadi pengamal perubatan tradisional atau Islam dan mendengar suara bisikan di telinga atau di dalam hati berjumlah 17%. Ahli keluarga yang terlibat dengan rawatan tradisional boleh menyebabkan gangguan jin kepada pesakit jika ahli keluarga yang terlibat dengan rawatan tradisional terlibat dengan makhluk halus.

Akhirnya maklum balas pesakit menyimpan barang-barang pemberian daripada pengamal perubatan tradisional atau pengamal perubatan bukan Islam seperti tangkal, azimat, batu, besi, duit syiling, pakaian dan seumpama dengannya berjumlah 13%. Mohd Nizam Saad (2015) menyebut masih terdapat di kalangan orang Melayu pada hari ini yang bergantung pada azimat yang mengandungi rajah, wafak, jadual dan rangkaian huruf-huruf yang sukar difahami. Azimat yang disediakan oleh pengamal perubatan yang bersahabat, bersaudara atau meminta bantuan jin akan mendedahkan pesakit kepada gangguan jin.

Kaedah Penggunaan Air dalam Rawatan Gangguan Jin

Air merupakan bahan asas yang dijadikan sebagai bahan untuk merawat penyakit yang diganggu oleh jin. Penyakit yang berkaitan gangguan jin secara umumnya adalah penyakit yang tidak dapat diubati secara rawatan moden yang menggunakan ubat-ubatan kimia dan teknologi peralatan yang canggih. Selain itu, penyakit berkaitan gangguan jin dapat dikenal pasti oleh perawat-perawat yang arif di dalam bidang kepakaran mereka yang bergantung kepada tanda-tanda yang berlaku kepada pesakit. Tanda-tanda gangguan boleh dikenal pasti oleh perawat seperti melalui tanda-tanda pada fizikal, mimpi, mendengar bunyian atau suara dan melihat sesuatu yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar. Air bagi tujuan rawatan kepada pesakit yang diganggu oleh jin akan diambil dari sumber-sumber asli yang tidak diproses dan tidak dicampurkan dengan bahan-bahan yang lain seperti gula, pewarna, perasa dan bahan kimia. Sumber-sumber asli air diambil dari perigi, telaga, sungai, tasik dan air hujan.

Sumber air yang mudah untuk diperolehi oleh pesakit adalah daripada sumber air bawah tanah yang dibotolkan oleh pengusaha-pengusaha air mineral yang terdapat di pasaran dengan harga yang berpatutan dengan pelbagai jenama untuk pilihan. Air yang telah dimasak tidak menjadi pilihan untuk digunakan bagi tujuan rawatan kerana keberkesanan penggunaan air yang telah dimasak adalah kurang jika dibandingkan dengan air yang tidak dimasak. Air yang menjadi pilihan utama oleh perawat gangguan jin ialah air zam-zam, air gau, air hujan, air tasnin dan air mineral yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha Islam.

Air yang digunakan untuk tujuan rawatan penyakit gangguan jin akan dibacakan doa-doa tertentu dengan bahasa Melayu atau bahasa Arab bagi tujuan penyembuhan kepada pesakit. Selain itu, bacaan lain turut dibacakan seperti bacaan ayat-ayat Al-Quran daripada surah-surah tertentu yang bertujuan khusus untuk merawat penyakit, bacaan selawat dan zikir-zikir. Air yang telah dibacakan dengan doa, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir-zikir akan digunakan oleh pesakit untuk diminum selama tiga hari atau lebih untuk tujuan memulihkan pesakit daripada gangguan jin. Disamping itu, air tersebut juga digunakan untuk tujuan mandian kepada pesakit yang dilakukan selama tiga hari berturut-turut pada sebelah pagi ataupun petang. Keberkesanan mandian air yang telah dibacakan doa, ayat-ayat Al-Quran dan selawat akan

dipertingkatkan dengan penambahan bahan-bahan lain ke dalam air tersebut seperti limau nipis, daun biadara, air batu, akar sintok, minyak zaitun, minyak kasturi kijang dan bunga-bunga yang berbau wangi.

Selain itu, air juga digunakan untuk tujuan pemulihan dan pemagaran rumah daripada gangguan jin. Ini kerana gangguan jin yang mengganggu pesakit boleh berpunca daripada pelbagai sumber seperti sihir, saka, senjata, barangan kemas, amalan dan tapak rumah. Air yang digunakan bagi tujuan pemulihan rumah akan dibacakan doa, ayat-ayat Al-Quran, zikir dan selawat dan disembur di keseluruhan kawasan rumah pesakit bagi tujuan mengeluarkan jin daripada kediaman pesakit. Manakala bagi tujuan pemagaran rumah untuk menghindarkan rumah daripada dimasuki oleh jin, air yang telah dibacakan doa, ayat-ayat Al-Quran, zikir dan selawat akan disemburkan atau dipancarkan ke dinding-dinding rumah pesakit dengan dilaungkan bacaan azan di dalam rumah. Pemulihan dan pemagaran rumah yang menggunakan air boleh dipertingkatkan keberkesanan dengan menambah bahan-bahan lain seperti penggunaan limau nipis dan limau purut. Limau nipis dan limau purut digunakan dengan mencampurkan ke dalam air.

Kaedah Penggunaan Limau Nipis Dalam Rawatan Gangguan Jin

Syed Ghazali Jalaludin Syed Hassan (2011) menyebut limau nipis tergolong dalam famili *Rutaceae* dan nama saintifiknya ialah *citrus aurantifolia*. Limau nipis adalah tumbuhan sitrus yang berasid yang telah digunapakai oleh masyarakat Melayu semenjak sekian lama yang digunakan untuk pelbagai kegunaan di dalam kehidupan seharian seperti untuk tujuan membersihkan bahan makanan, mencuci bilah senjata, masakan, mandian dan perubatan. Chee Beng Jin (2016) turut menegaskan perahan jus limau nipis yang dicampur dengan sedikit *arsenik* digunakan untuk proses pembersihan bilah keris yang telah siap ditempa atau diukir. Syed Ghazali Jalaludin Syed Hassan (2011) turut menyatakan tanaman limau nipis ditanam di kawasan rumah untuk tujuan perubatan tradisional, masakan, minuman dan produk kesihatan. Manakala Jacqlyn Patricia Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad (2021) menyebut masyarakat Melayu mempercayai pokok limau nipis yang ditanam di kawasan rumah dapat menghalau kuasa ghaib dan roh-roh jahat. Limau nipis merupakan tumbuhan renek yang berketinggian tidak melebihi 5 meter yang hidup subur di negara-negara Asia Tenggara termasuklah Malaysia. Tanaman limau nipis ditanam di sekitar rumah masyarakat Melayu di kampung-kampung dengan cara tanaman biji ataupun tut atau diusahakan di ladang untuk tujuan pasaran.

Limau nipis dijadikan bahan untuk perubatan oleh pengamal perubatan tradisional Melayu untuk pelbagai tujuan seperti mengempiskan perut ibu bersalin, pemagaran rumah, mencuci mata dan merawat gangguan jin. Limau nipis yang digunakan untuk tujuan rawatan bagi penyakit gangguan jin akan digunakan bersama-sama dengan air untuk tujuan mandian dan minuman. Hal ini, turut ditegaskan oleh Syed Ghazali Jalaludin Syed Hassan (2011) dan Chee Beng Jin (2016) bahawa limau nipis telah dijadikan bahan untuk tujuan perubatan tradisional. Limau nipis akan dipotong oleh pengamal perubatan tradisional dengan potongan tertentu seperti memotong di bahagian atas atau bawah atau kiri atau kanan atau tengah. Limau nipis yang telah dipotong akan dibacakan doa, ayat Al-Quran, selawat dan zikir sebelum dicampurkan dengan air untuk tujuan minuman. Minuman air limau nipis yang telah dialun bacaan doa, ayat al-Quran, selawat dan zikir akan meningkatkan peluang kesembuhan kepada pesakit yang menghadapi gangguan jin.

Disamping itu, limau nipis turut dijadikan sebagai bahan tunggal untuk mandian yang diperah ke dalam air di dalam bekas yang disediakan. Limau nipis untuk tujuan mandian akan dipotong atau dibelah dengan bilangan ganjil seperti tiga biji atau lima biji atau tujuh biji atau sembilan biji dan dibacakan doa, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir. Manakala tempoh jangka masa mandian dilakukan selama tiga hari berturut-turut dan waktu mandian dilakukan pada waktu pagi dan petang. Pagi adalah waktu yang paling sesuai untuk tujuan mandian limau nipis, ini kerana waktu pagi tubuh badan manusia akan lebih segar dan bertenaga kerana selepas bangun dari tidur. Tindak balas dari mandian limau nipis akan menyebabkan tubuh badan menjadi kelesuan dan keletihan akibat daripada tindak balas jin di dalam atau pada tubuh pesakit dan tindak balas yang lebih teruk boleh berlaku seperti pesakit muntah, pening dan kepanasan. Kesan daripada mandian limau nipis akan semakin berkurangan selepas mandian hari kedua dan ketiga.

Pengalaman Penulis Merawat Pesakit Gangguan Jin Menggunakan Air Dan Limau Nipis

Penulis adalah seorang pengamal perubatan tradisional Melayu yang bergiat aktif merawat pesakit yang menghadapi penyakit gangguan jin di daerah Pekan dan Kuantan. Air dan limau nipis adalah bahan utama yang dijadikan sebagai bahan asas bagi setiap sesi rawatan yang dilakukan kepada pesakit gangguan jin. Penyakit gangguan jin boleh dikelaskan kepada beberapa bahagian berdasarkan pengalaman penulis semasa merawat pesakit gangguan jin yang berpunca daripada sihir, peralatan senjata, barang kemas, ilmu dan amalan, barang peninggalan pusaka dan saka.

Air dan limau nipis adalah bahan yang sangat mudah diperolehi sama ada secara percuma ataupun dibeli di kedai atau pasar raya dengan harga yang murah dan tidak membebankan pesakit untuk mendapatkannya. Kos rawatan bagi mendapatkan rawatan gangguan jin adalah bergantung kepada kemampuan pesakit tanpa ditetapkan dengan jumlah tertentu, manakala bagi pesakit yang kurang berkemampuan, penulis tidak mengenakan sebarang bayaran. Pesakit gangguan jin akan diberi nasihat dan bimbingan sebelum menerima rawatan daripada penulis dengan cara menerangkan kepada pesakit air dan limau nipis hanyalah ikhtiar kepada penyembuhan, hakikat kepada penyakit dan penyembuhan adalah milik Allah tuhan pencipta sekalian alam. Pesakit turut diterangkan berkenaan kesakitan adalah ujian kepada hamba Allah untuk diangkat dosa-dosa atau dinaikan kedudukan yang lebih mulia. Selain itu, pesakit juga dinasihatkan supaya memperbanyakkan melakukan solat sunat taubat dan memohon keampunan kepada Allah sebelum dan selepas rawatan supaya urusan rawatan dipermudah dan memperoleh kesembuhan.

Sesi nasihat dan bimbingan kepada pesakit adalah penting kerana, perubatan dijadikan satu medan untuk penulis menyampaikan dakwah Islam kepada pesakit. Berdasarkan pengalaman penulis, pesakit yang menghadapi masalah gangguan jin memerlukan kekuatan kerohanian yang tinggi yang hanya akan dapat diperolehi melalui amalan-amalan yang disyariatkan oleh Islam seperti menunaikan solat lima waktu berjemaah, mengaji Al-Quran, berzikir, berselawat dan berdoa. Kekuatan yang dibina melalui amalan-amalan yang disyariatkan oleh agama akan meningkatkan peluang kesembuhan pesakit dan menjadi pendinding daripada serangan jin pada masa-masa yang akan datang. Selain itu, pesakit turut dinasihatkan supaya mematuhi tuntutan dalam Islam seperti menutup aurat, meninggalkan perkara-perkara mungkar, memperbanyakkan sedekah dan memohon doa daripada ibubapa untuk tujuan penyembuhan.

Penulis turut berhadapan dengan pesakit yang telah menerima rawatan melebihi tiga kali yang tidak diberi kesembuhan oleh Allah. Pesakit yang menerima rawatan melebihi tiga kali akan disoal siasat oleh penulis supaya pesakit bercakap jujur. Adakalanya penyakit gangguan jin berpunca daripada penderhakaan yang mereka lakukan kepada kedua ibubapa ataupun kepada suami mereka atau mereka melakukan dosa-dosa besar seperti berzina, minum arak, berjudi, menipu atau kezaliman yang mereka lakukan kepada manusia dan kehidupan yang lain seperti haiwan dan tumbuhan. Penyakit gangguan jin yang berpunca daripada faktor ini hanya boleh sembuh atau diringankan oleh Allah dengan cara bertaubat kepada Allah dan memohon keampunan kepada individu yang disakiti. Berikut adalah lima contoh pengalaman penulis merawat pesakit yang diganggu oleh jin. Penulis tidak menulis nama sebenar pesakit tetapi hanya menulis pesakit pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima.

Pengalaman penulis merawat pesakit pertama seorang perempuan yang masih bujang berumur dua puluh empat tahun yang menghadapi masalah kesukaran tidur, keletihan, sakit pinggang dan sakit kepala yang melampau dan sentiasa didatangi oleh lembaga bersusuk hitam berbulu yang akan datang pada setiap malam menemui pesakit. Penulis telah memberi nasihat dan bimbingan kepada pesakit supaya memahami Rukun Iman dan menunaikan Rukun Islam serta meninggalkan perkara larangan dalam Islam. Setelah selesai sesi nasihat dan bimbingan, tujuh biji limau nipis yang telah dipotong bersama sebotol air mineral akan dibacakan doa-doa dalam bahasa Melayu yang boleh difahami oleh pesakit, surah Al-Fatihah, Al-Ikhlash, Al-Falak, An-Nas dan ayat Qursi. Pesakit dikehendaki meminum air yang telah bacakan doa dan ayat-ayat Al-Quran selama tiga hari sehingga selesai tempoh rawatan dan dikehendaki mandi dengan bilasan terakhir air perahan limau nipis dengan bilangan tiga biji pada hari pertama, dua biji pada hari kedua dan ketiga. Pesakit akan dinasihatkan supaya mengikuti tatacara mandian limau nipis supaya gangguan yang mengganggu pesakit dapat diputuskan. Penyembuhan pesakit akan dapat dilihat selepas empat hari dari hari mula mandian limau nipis dilakukan. Selepas tempoh empat hari rawatan menggunakan limau nipis dan air, pesakit diberikan kesembuhan oleh Allah.

Pengalaman penulis merawat pesakit kedua ialah seorang perempuan berumur dua puluh tahun yang mengalami gejala hilang ingatan dan membawa perwatakan seorang gadis berusia lima tahun dan telah mengalami penyakit ini selama dua tahun. Gadis malang ini terpaksa diuruskan oleh keluarganya seperti sorang kanak-kanak yang berusia lima tahun dan berhenti daripada melanjutkan pelajaran di sebuah institusi pendidikan. Gadis ini membawa gaya percakapan sama seperti kanak-kanak berumur lima tahun dengan lontaran suara halus yang tidak sebaya dengan umur sebenarnya. Sebelum memulakan sesi rawatan, penulis akan bertanya khabar kepada pesakit dan keluarga pesakit seterusnya memberi sedikit nasihat dan bimbingan kepada keluarga pesakit berkaitan dengan ajaran Islam. Berdasarkan kepada pengalaman penulis, pesakit dan keluarga pesakit mudah menerima nasihat dan bimbingan yang disampaikan oleh penulis kerana mereka sedang mengalami musibah di dalam kehidupan. Penulis telah memotong limau nipis sebanyak sembilan biji dengan sebotol air mineral yang dibacakan doa penyembuhan didalam bahasa Melayu, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir. Pesakit dikehendaki minum air yang telah dibacakan doa dan ayat-ayat Al-Quran selama tiga hari berturut-turut tanpa putus dan melaksanakan mandian limau nipis selama tiga hari dengan kiraan empat biji limau nipis pada hari pertama, tiga biji limau nipis pada hari kedua dan dua biji limau nipis pada hari ketiga. Keputusan berkaitan dengan rawatan akan dapat diketahui pada hari keempat selepas mandian limau nipis dan minuman air. Setelah tamat tempoh rawatan, pesakit telah kembali pulih seperti remaja berusia dua puluh tahun.

Pengalaman penulis merawat pesakit ketiga iaitu seorang bayi kanak-kanak lelaki yang berusia satu tahun enam bulan yang sentiasa menangis selama dua bulan. Bayi tersebut hanya berhenti menangis sewaktu menyusu dan tidur. Sebelum memulakan rawatan, penulis akan bertanya khabar kepada kedua ibubapa bayi dan memberi sedikit dakwah berkaitan ajaran Islam kepada mereka terutama berkaitan dengan ujian menghadapi penyakit dan takdir ketentuan Allah. Proses rawatan dilakukan kepada ibu dan bayi. Rawatan kepada bayi dilakukan dengan membaca doa penyembuhan di dalam bahasa Melayu, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir kepada air yang disediakan oleh keluarga pesakit. Air tersebut akan digunakan untuk mandian dan diminum oleh bayi selama tiga hari berturut-turut. Manakala rawatan ibu bayi dengan dibacakan doa penyembuhan didalam bahasa Melayu, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir pada tujuh biji limau nipis dan sebotol air mineral. Ibu bayi dikehendaki minum dan mandi dengan perahan limau nipis di dalam bekas yang bercampur air selama tiga hari berturut-turut. Keputusan berkaitan dengan rawatan akan dapat diketahui pada hari keempat selepas mandian limau nipis dan minuman air. Akhirnya selepas selesai tempoh rawatan, bayi tersebut kembali normal seperti sedia kala.

Pengalaman penulis merawat pesakit keempat seorang remaja lelaki berusia sembilan belas tahun yang sedang belajar di sebuah institusi pendidikan. Pesakit ini mengalami gejala penyakit seperti *slipped disc* yang sering diserang penyakit ini pada sebelah petang dan malam. Penulis memulakan rawatan kepada pesakit dengan bertanya khabar dan penyakit yang dialami serta memberi nasihat dan bimbingan ringkas. Proses rawatan dilakukan pada sebelah pagi dengan sembilan

biji limau nipis berserta air mineral. Limau nipis dipotong dan air mineral dibacakan doa penyembuhan di dalam bahasa Melayu, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir. Pesakit dikehendaki menjadikan air sebagai minuman dan limau nipis untuk mandian selama tiga hari dengan bilangan limau nipis tiga biji bagi setiap hari selama tiga hari.

Pengalaman penulis merawat pesakit kelima seorang perempuan pesara kerajaan yang berusia 65 tahun. Pesakit ini mengalami masalah kesukaran tidur waktu malam, gejala keletihan yang teruk, lesu dan perut yang membesar seperti perempuan mengandung. Proses rawatan dimulakan dengan berbual bicara dengan pesakit dan suaminya untuk mencari maklumat berkaitan penyakit. Nasihat dan bimbingan diberikan kepada pesakit dan keluarga. Limau nipis berjumlah sembilan biji dipotong dan air dibacakan doa penyembuhan di dalam bahasa Melayu, ayat-ayat Al-Quran, selawat dan zikir. Doa bahasa Melayu yang dibacakan adalah perkataan biasa yang disebut dan diminta oleh hamba kepada pencipta.

Contoh doa yang sering dibaca oleh penulis iaitu “Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, kami bermohon kepada Mu, mengampunkan segala dosa-dosa kami, kedua ibubapa kami, isteri dan suami kami, anak-anak kami, kaum keluarga kami dan seluruh umat Islam yang hidup mahupun yang telah mati, Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim kami pohon kepadamu sembuhkan segala penyakit yang dihadapi oleh pesakit sama ada penyakit yang berkaitan fizikal ataupun gangguan jin, Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim Ya Karim, perkenankan doa kami Ya Allah.” Manakala ayat-ayat Al-quran yang dibaca iaitu Al-fatihah, Al-Ikhlash, Al-Falak, An-Nas dan ayat Kursi, selawat hanya dibaca selawat ringkas sahaja seperti Allahumma solli ‘ala Sayyidina Muhammad wa ‘ala ali Sayyidina Muhammad dan zikir yang dibaca Lailahhaillallah. Pesakit dikehendaki minum air dan mandi dengan perahan air limau nipis selama tiga hari dengan bilangan limau nipis tiga biji bagi setiap hari selama tiga hari berturut-turut. Keputusan berkaitan dengan rawatan akan dapat diketahui pada hari keempat selepas mandian limau nipis dan minuman air. Akhirnya selepas tamat tempoh sesi rawatan, pesakit telah sembuh sepenuhnya dari gejala penyakit berkaitan gangguan jin.

RUMUSAN

Air dan limau nipis adalah warisan perubatan tradisional Melayu yang digunakan untuk merawat penyakit gangguan jin. Keberkesanan rawatan menggunakan air dan limau nipis sebagai bahan asas adalah terbukti sepanjang penulis menjalankan proses rawatan kepada pesakit. Walaupun begitu, masih terdapat pesakit yang tidak sembuh dengan penggunaan air dan limau nipis untuk tujuan rawatan gangguan jin. Ini kerana, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pesakit tidak sembuh daripada penyakit gangguan jin. Faktor pertama pesakit tidak bercakap jujur dengan pengamal perubatan atau dengan kata lain menyembunyikan sesuatu. Faktor kedua ialah pesakit tidak mengikuti tatacara mandian limau nipis dan minuman air penawar yang ditetapkan kepada pesakit. Faktor ketiga pesakit telah sembuh daripada gangguan jin yang pertama tetapi diganggu oleh gangguan jin yang kedua atau seterusnya. Faktor keempat penyakit gangguan jin yang berlaku kepada pesakit kerana kifarrah di atas perbuatan dosa dan kezaliman yang mereka telah kepada kehidupan yang lain seperti haiwan dan tumbuhan.

Penggunaan air dan limau nipis sewaktu proses rawatan gangguan jin perlu diraikan dan digunakan sebagai ikhtiar kepada rawatan gangguan jin dan memberi pilihan kepada pesakit untuk mendapatkan rawatan dengan pelbagai kaedah yang terdapat di Malaysia. Kos rawatan menggunakan air dan limau nipis adalah murah dan sangat mudah diperolehi jika dibandingkan dengan bahan-bahan lain yang sukar diperolehi dan dengan kos yang lebih tinggi yang terpaksa ditanggung oleh pesakit. Situasi ekonomi semasa yang semakin mencabar, menjadikan usaha untuk merawat penyakit gangguan jin oleh pesakit memerlukan sumber kewangan yang kukuh. Justeru itu, air dan limau nipis boleh dijadikan media perubatan untuk mengubati penyakit gangguan jin dengan kos yang rendah. Akhirnya, warisan perubatan tradisional merawat gangguan jin menggunakan air dan limau nipis perlu diwariskan kepada generasi yang akan datang supaya ilmu perubatan ini tidak pupus ditelan aras perubatan moden dan rawatan ruqyah.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah. Kajian ini dilakukan tanpa sebarang sokongan kewangan.

PENGISTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Mohamad Hilmi bin Mat Said: Permasalahan kajian, objektif kajian dan menyemak hasil maklum balas.

Syed Zaidi bin Syed Omar: Sorotan literatur, kaedah kajian, mengurus maklum balas pesakit dan pengalaman penulis.

RUJUKAN

Chee Beng Jin. (2016, September). *Limau Nipis Anti Fertiliti*. Dewan Kosmik: 28-31.

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Gray, D. E. (2009). *Doing research in the real world* (2nd ed.). Thousand Oaks, California: SAGE Publications Inc.

- Haliza Mohd Riji. (2005). *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Harun Mat Piah. (1998) Ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah-naskhah lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(3), 2015, 3-17.
- Jacqlyn Patricia Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad. (2021) Keistimewaan dan kearifan tempatan masyarakat Melayu menggunakan buah-buahan dalam ilmu perubatan. *Jurnal Melayu*, 20 (1), 93-108.
- Kamus Dewan*. (2002) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardiana Nordin, Seminar Kaedah dan Penulisan Sejarah. (2015). Penyelidikan Sejarah, *Sumber-Sumber Sejarah dan Bidang-Bidang di Dalam Kajian Sejarah*. Kuala Lumpur.
- Mohd Rahman Daud. (2016). Ceramah TWM Bincang Perubatan Tradisional: <https://www.beritaharian.sg/bahasa-budaya/ceramah-twn-bincang-perubatan-tradisional>.
- Perlembagaan Persekutuan Kemas Kini 2022.
- Mohd Nizam Sahad. (2015) Penggunaan azimat pelaris perniagaan menurut perspektif akidah Islam. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(1), 18-44.
- Nor Liyana Khairuddin. (2022). *Apa jadi bila kurang air dalam badan*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/gaya/kesihatan/2022/04/apa-jadi-bila-kurang-air-dalam-badan/>
- Sayid Sabiq. (1974). *Aqidah Islam*. Bandung: Penerbitan Diponegoro Bandung.
- Suhazeli Abdullah. (2021). *Hukum dan Kewajipan Berubat*. Harakah Daily: <https://harakahdaily.net/index.php/-2021/04/02/hukum-dan-kewajipan-berubat/>
- Syed Ghazali Jalaludin Syed Hassan. (2011). *Penjagaan Pokok Limau Nipis*. Utusan Malaysia, 1-8.
- Wahid Abd Al Salam Bali. (2010). *Senjata Tajam Untuk Menangkis Sihir & Ilmu Hitam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Nurulhas.
- Zakaria Stapa. (1998) Kepercayaan kepada yang ghaib: Tumpuan khusus kepada peranan makhluk jin dalam kehidupan makhluk manusia. *Jurnal Usuluddin*, [S.l.], 7, 47-74.